

06/11/1997

Pejabat PM di Putrajaya tidak terlalu besar

DEWAN Rakyat semalam diberitahu bahawa pejabat Perdana Menteri di pusat pentadbiran baru kerajaan Putrajaya tidak terlalu besar.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pejabat yang diperuntukkan untuk Perdana Menteri didapati sesuai dan wajar dengan keluasan 334 meter persegi yang merangkumi ruang pejabat, ruang perbincangan dengan tamu dan mesyuarat untuk 12 pegawai.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, ruang bekerja bagi pejabat Perdana Menteri adalah seluas 90 meter persegi sementara ruang menerima tetamu dan ruang mesyuarat adalah masing-masing 154 meter persegi dan 90 meter persegi.

Beliau menjelaskan demikian sebagai menjawab soalan Mohamad Sabu (Pas-Kubang Kerian) ketika menggulung perbahasan Belanjawan 1998.

(END)